



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEP)**  
[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



**PELAKSANAAN KEGIATAN KO-KURIKULUM DAN  
KEMUDAHAN FASILITI DI SEKOLAH RENDAH ISLAM  
DARUL IMAN (SRIDI) DALAM MENCAPI  
KECEMERLANGAN PENDIDIKAN SEKOLAH NEGERI  
TERENGGANU**

***THE IMPLEMENTATION OF CO-CURRICULUM ACTIVITIES AND FACILITIES  
IN DARUL IMAN ISLAMIC PRIMARY SCHOOL (SRIDI) IN ACHIEVING  
EDUCATIONAL EXCELLENCE IN TERENGGANU STATE SCHOOLSTITLE***

Muhammad Hasbi Abdul Rahman<sup>1\*</sup>, Mazdi Marzuki<sup>2</sup>, Abdul Halim Ali<sup>3</sup>, Abdul Nasir Abd Latiff<sup>4</sup>, Saifulazry Mokhtar<sup>5</sup>

- <sup>1</sup> Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: muhar@fsk.upsi.edu.my
- <sup>2</sup> Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: mazdi@fsk.upsi.edu.my
- <sup>3</sup> Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: halim.ali@fbk.upsi.edu.my
- <sup>4</sup> Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: muhd.nasir@fsk.upsi.edu.my
- <sup>5</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 31.12.2021

Revised date: 25.01.2022

Accepted date: 28.02.2022

Published date: 15.03.2022

**To cite this document:**

Abdul Rahman, M. H., Marzuki, M., Ali, A. H., Abd Latiff, A. N., & Mokhtar, S. (2022). Pelaksanaan Kegiatan Ko-Kurikulum Dan Kemudahan Fasiliti Di Sekolah Rendah Islam Darul Iman (SRIDI)

**Abstrak:**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis kemudahan fasiliti serta penglibatan murid dalam aktiviti ko-kurikulum di Sekolah Rendah Islam Darul Iman (SRIDI) di Terengganu. Kajian ini menggunakan kualitatif iaitu menggunakan kaedah temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian. Kaedah temu bual digunakan bagi mendapatkan data serta maklumat berkaitan kemudahan fasiliti serta penglibatan murid dalam ko-kurikulum. Seramai sembilan orang guru besar telah ditemu bual bagi mendapat maklumat berkaitan kemudahan dan ko-kurikulum SRIDI. Manakala analisis dokumentasi sekolah SRIDI berkaitan maklumat kemudahan fasiliti dan ko-kurikulum turut diteliti. Seterusnya, kaedah pemerhatian iaitu dengan turun ke lapangan di sembilan buah SRIDI di setiap daerah dilakukan bagi mengukuhkan dapatan kajian. Analisis ketiga-tiga kaedah ini kemudiannya

Dalam Mencapai Kecemerlangan Pendidikan Sekolah Negeri Terengganu. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (45), 18-34.

DOI: 10.35631/IJEPC.745002

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



digabung dan dianalisis bagi mendapat hubungan antara penyataan masalah dan data di lapangan. Hasil analisis yang dilakukan mendapat kemudahan asas dan fasiliti yang disediakan di sembilan buah SRIDI berada pada tahap yang sederhana. Beberapa kemudahan asas didapati tidak berada pada tahap yang memuaskan. Manakala, penglibatan murid SRIDI terhadap penglibatan dalam aspek ko-kurikulum masih berada pada tahap sederhana. Kewujudan beberapa persatuan, jenis sukan dan ko-kurikulum lain masih berada pada tahap sederhana. Penglibatan dan pendedahan murid SRIDI terhadap pertandingan ko-kurikulum juga berada pada tahap sederhana kerana mengambil kira tempoh kewujudan SRIDI yang masih baru serta jalinan hanya wujud dalam peringkat SRIDI itu sendiri. Namun, segala pencapaian dan kemudahan ini boleh dipertingkatkan dari masa ke semasa seiring dengan perancangan yang strategik di peringkat kerajaan negeri dan SRIDI itu sendiri. Ini dapat dibuktikan dengan beberapa hasil temu bual menyatakan, terdapat beberapa SRIDI akan berpindah ke tapak kekal baharu yang lebih lengkap dan sesuai pada masa hadapan. Secara umum, dapat dirumuskan, kemudahan fasiliti yang lengkap dan penglibatan lebih menyeluruh murid SRIDI memberi kesan signifikan kepada kecemerlangan pendidikan khususnya di negeri Terengganu dalam menjadi contoh kepada sekolah-sekolah rendah di Malaysia.

### Kata Kunci:

Kokurikulum; Kemudahan Prasarana; SRIDI; Sekolah Rendah

### Abstract:

The purpose of this research is to investigate and assess the facilities and student participation in co-curricular activities at Sekolah Rendah Islam Darul Iman (SRIDI) in Terengganu. Interviews, document analysis, and observation are all used in this study as qualitative methodologies. Data and information about facilities and student involvement in the co-curriculum were obtained using the interview approach. In order to acquire information about SRIDI facilities and co-curriculum, 9 headmasters were interviewed. In the meantime, the study of SRIDI school paperwork pertaining to information on facilities and co-curriculum was carried out. The observation approach was then used to strengthen the study's conclusions by travelling down to the field in 9 SRIDI in each district. After that, the results of these three procedures are amalgamated. These three methodologies are then integrated and examined to determine the relationship between the problem statement and the field data. According to the findings of the investigation, the basic facilities and amenities provided in 9 SRIDI are of a modest quality. Some fundamental services were determined to be inadequate. In the meanwhile, SRIDI students' involvement in co-curricular activities is relatively moderate. The number of associations, sports, and other co-curricular activities is still very low. The involvement and exposure of SRIDI students to co-curricular competitions is similarly moderate, taking into account the fact that SRIDI is still a young institution with just a tenuous tie to the outside world. All of these accomplishments and facilities, however, can be improved over time in accordance with state government strategic planning and SRIDI's own. Some of the interview findings show that in the future, SRIDI will relocate to a new permanent site that is more complete and suitable, as indicated by some of the interview results. In general, the comprehensive facilities and more extensive involvement of SRIDI students have a substantial impact on educational achievement, particularly in the state of Terengganu, which serves as an example to Malaysian primary schools.

**Keywords:**

Primary School; Cocurricular; Infrastructural Facilities.

### **Pengenalan**

Pembangunan sumber manusia merupakan satu proses yang berterusan mempertingkatkan modal manusia. Perkara ini amat penting kerana manusia adalah modal yang dapat menggerakkan pertumbuhan ekonomi negara. Banyak kajian menunjukkan pendidikan mempunyai hubungan yang positif dengan pertumbuhan ekonomi melalui pembangunan modal manusia. Kualiti sumber manusia hanya boleh ditingkatkan melalui program pendidikan terutamanya pendidikan pada peringkat tinggi dan teknikal kerana ia melahirkan buruh yang professional dan mahir (Siti Norihan & Hasnah 2013) tetapi pendidikan di peringkat rendah dan menengah tidak boleh dilupakan. Persoalannya bagaimana pula dengan pembangunan modal manusia yang diperkenalkan dengan satu perspektif yang baru di Malaysia iaitu pembangunan modal insan. Walaupun perkataan manusia dan insan mempunyai makna yang hampir sama daripada segi bahasa, namun ia mempunyai makna yang berbeza dari segi istilah. Pembangunan insan adalah bukan sahaja melihat dari sudut pembangunan fizikal manusia tetapi ia lebih luas daripada itu iaitu melihat dari sudut rohani iaitu roh, qalb serta aqal. Pembangunan modal insan boleh dipupuk melalui pendidikan formal antaranya melalui pendidikan sekolah agama yang dapat mengimbangi persoalan kehidupan manusia. Persoalannya sejauh manakah pihak kerajaan mengambil pendekatan yang serius dalam pembangunan sekolah agama di Malaysia?

Dalam konteks Islam, persoalan pembangunan modal insan ternyata difokuskan kepada dua aspek utama iaitu aspek rohani dan jasmani. Ini jelas jika diteliti kepada pernyataan dalam al-Quran yang bermaksud:

Dan sesungguhnya Kami telah menjadikan manusia itu daripada pati tanah (sari pati yang berasal daripada tanah), kemudian Kami jadikan sari pati itu air mani (yang disimpan) di tempat yang kukuh (rahim), kemudian air mani itu Kami jadikan seketul darah dan segumpal daging, kemudian Kami jadikan segumpal daging itu tulang, kemudian Kami jadikan dia satu kejadian yang lain (manusia yang sempurna), maka Maha Besar Allah dan Dia adalah sebaik-baik Pencipta. (Al-Quran, al-Baqarah: 12-14)

Petikan ayat Al-Quran ini menegaskan kejadian manusia daripada tanah yang asal kejadiannya daripada air mani yang hina. Justeru, manusia merupakan komponen kejadian daripada tanah, maka keperluan manusia untuk memenuhi tuntutan jasmani seperti makanan, pakaian dan tempat perlindungan. Persoalannya, bagaimanakah pembangunan insan ini dapat dilaksanakan agar dapat melahirkan modal insan yang diingini oleh pihak kerajaan. Abdullah (1995), menyatakan untuk melahirkan generasi Islam yang unggul, perlu satu perancangan yang teliti melalui pendidikan yang utuh dan ia perlu bermula dengan sistem pendidikan yang direndai Allah yang berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah. Dengan erti kata lain, pembangunan sumber manusia untuk melahirkan modal insan yang mengikut acuan Islam adalah melalui pendidikan Islam. Mohd Kamal (2013) menggariskan reformasi yang boleh dilakukan terhadap Pendidikan Islam di sekolah-sekolah kerajaan bagi membangunkan modal insan Melayu. Pendidikan Islam mempunyai falsafah dan matlamat murninya yang tersendiri yang lebih menekankan pembangunan individu bukan sahaja dari aspek fizikal, tetapi juga aspek rohani dan akhlak

yang bertujuan untuk membangunkan potensi dan kecenderungan ke arah kebaikan dalam diri seseorang yang akhirnya dapat merealisasikan kebaikan kepada orang lain. Ini jelas menunjukkan pendidikan Islam adalah amat penting dalam melahirkan modal insan. Persoalan lain yang wujud iaitu sejauh manakah pendidikan Islam di Malaysia telah diberi penekanan oleh pihak kerajaan. Sejauh manakah kebenaran sistem pendidikan Islam akan memberi kesan kepada pembentukan modal insan yang baik dan sempurna. Kajian ini mempunyai kerelevan dalam merungkaikan aspek kemudahan fasiliti dan aktiviti ko-kurikulum di sekolah SRIDI bagi tujuan untuk penambahbaikan dan memperkasakan elemen tersebut dalam sektor pendidikan Islam di Terengganu.

### Pernyataan Masalah

Realitinya, kepentingan pendidikan akhlak telah pun diakui oleh semua golongan lapisan masyarakat sejak zaman Greek lagi. Justeru, sekolah adalah institusi terpenting dalam memupuk akhlak mulia dan juga membangunkan insan yang berakhlak kerana sekolah itu sendiri adalah sarat nilai dan guru merupakan agen moral (Asmawati, 2005). Greenland & Robinson (1980) menyatakan bahawa pendidikan akhlak dan moral telah muncul sebagai satu disiplin dalam pengajian pendidikan atau sekolah. Di Malaysia, usaha memupuk dan mendidik nilai yang mulia telah lama dilaksanakan menerusi sistem pendidikan dengan cara yang pelbagai. Pemupukan nilai-nilai mulia dilakukan secara langsung kepada murid-murid termasuklah dalam aktiviti ko-kurikulum. Namun begitu, masih terdapat pelbagai masalah terutama dari segi akhlak dalam kalangan remaja pada hari ini. Kajian ini dibuat bertujuan untuk mengenal pasti tahap pembentukan akhlak murid dalam aktiviti ko-kurikulum dan kemudahan yang disediakan oleh sekolah.

Hal ini kerana matlamat dan tujuan pendidikan dalam Islam adalah untuk membentuk peribadi Muslim yang seimbang dalam perkembangan spiritual, jasmani, emosi, intelektual dan sosial. Ia bukan sekadar menyediakan warga yang baik malah mencakupi pembinaan insan yang sempurna dari segi ibadat dan urusan keduniaan. Keperibadian pelajar Muslim boleh dibentuk daripada aspek kurikulum dan ko-kurikulum. Malahan juga kemudahan fasiliti yang baik akan memudahkan pelajar menggunakan kemudahan tersebut sebagai alat untuk proses pengajaran dan pembelajaran.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), juga menegaskan bahawa dalam memastikan perkembangan pendidikan meningkat secara komprehensif, pihak sekolah wajar untuk menyediakan prasarana yang mencukupi. Kepentingan merancang dan menyediakan kemudahan prasarana yang baik sangat penting untuk menyokong agenda pendidikan kebangsaan. Prasarana yang mencukupi dan selesa adalah penting untuk mencapai kurikulum dan ko-kurikulum yang berkesan sekali gus dapat meningkatkan semangat guru dan para pelajar dalam mencapai matlamat yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Inisiatif kerajaan harus menumpukan pada usaha yang berterusan dan mengukuhkan kemudahan fizikal dan prasarana institusi pendidikan di seluruh negara. Oleh itu, kemudahan asas seperti bekalan air bersih dan bekalan elektrik harus dipandang serius oleh pihak kerajaan terutamanya bagi sekolah luar bandar dengan mengambil langkah alternatif supaya guru dan pelajar dapat berada dalam persekitaran pembelajaran yang kondusif (PPPM 2013-2025).

## Objektif Kajian

Secara khususnya, kajian ini merangkumi beberapa objektif iaitu untuk:

- i. Mengkaji kemudahan dan ko-kurikulum yang sediakan kepada murid di SRIDI.
- ii. Mengenal pasti kesesuaian program ko-kurikulum dan kemudahan yang disediakan pihak SRIDI kepada murid dalam pembangunan pendidikan.
- iii. Mencadangkan penambahbaikan dalam bentuk idea dan polisi yang lebih baik kepada pihak SRIDI dalam aspek program ko-kurikulum dan penyediaan fasiliti kepada murid dalam membentuk kecemerlangan pendidikan di negeri Terengganu.

## Persoalan Kajian

Persoalan-persoalan kajian yang dibentuk dalam kajian ini ialah:

- i. Apakah bentuk kemudahan dan ko-kurikulum yang sediakan kepada murid di SRIDI?
- ii. Adakah program ko-kurikulum dan kemudahan yang disediakan pihak SRIDI kepada murid sesuai dalam mencapai kecemerlangan pembangunan pendidikan?
- iii. Bagaimanakah pihak SRIDI boleh meningkatkan kualiti dalam aspek program ko-kurikulum dan penyediaan fasiliti kepada murid dalam membentuk kecemerlangan pendidikan di negeri Terengganu.

## Sorotan Literatur

Kebanyakan kajian lepas adalah membincangkan konsep dan falsafah pendidikan Islam. Contohnya kajian Wan Mohd Zahid (2000) membincangkan peranan pendidikan Islam dalam falsafah negara. Beliau berpendapat perlunya pendidikan Islam diterapkan dalam pendidikan negara atas dua alasan utama iaitu desakan alaf baru yang mencabar masyarakat yang sentiasa terdedah kepada unsur-unsur negatif tanpa sepadan dan desakan sosial seperti penyalahgunaan dadah, ponteng sekolah, pembuangan bayi dan sebagainya yang boleh meruntuhkan budaya murni orang Melayu. Keberkesanan pendidikan Islam boleh dilihat daripada tiga aspek. Pertamanya penawaran dan pelaksanaan, keduanya pencapaian dalam peperiksaan dan ketiganya penghayatan dan amalan (Adnan Yusopp, dalam Suzalie, 2003). Menurut beliau, pendidikan telah memberi kesan positif ke arah mencapai matlamat membentuk Muslim yang berilmu, beriman, beramal soleh dan berakhhlak mulia. Pencapaian pelajar dalam pendidikan Islam adalah baik berbanding mata pelajaran yang lain di mana pada tahun 2001, pencapaian tahap lulus pelajaran agama Islam adalah lebih kurang 90% setiap tahun. Norhafizah (2001) dalam kajiannya juga mengkaji aspek pencapaian sekolah agama dan merumuskan bahawa kewujudan sekolah agama bukan sekadar untuk memastikan kelangsungan pendidikan Islam dalam sistem yang lebih teratur, malah kepentingan dalam pencapaian para pelajar baik dari segi akademik mahupun penglibatan dalam aspek aktiviti pelajar. Beliau telah membuat kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama al-Mashoor (Perempuan) Pulau Pinang dan mendapati pencapaian akademik pelajar sekolah agama tersebut adalah membanggakan. Menurut beliau tren pencapaian pelajar di sekolah tersebut dalam bidang akademik amat baik terutamanya dalam peperiksaan utama di Malaysia iaitu peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Persekolahan Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Contohnya peperiksaan PMR pada tahun 1993 didapati hanya seorang pelajar mendapat 9A telah meningkat kepada 19 pelajar pada tahun 1999. Begitu juga dengan peperiksaan SPM pada tahun 1993, hanya 43 pelajar mendapat gred 1 telah meningkat kepada 59 pelajar tahun 1999. Secara umumnya didapati pelajar sekolah agama telah menunjukkan pencapaian yang baik dalam bidang akademik walaupun sekolah ini merupakan sekolah aliran agama. Kajian beliau disokong oleh satu kajian lain oleh Abdul Monir dalam Suzalie (2003). Contohnya beliau telah melihat pencapaian Sekolah Agama Menengah Tinggi Hishamuddin,

Klang Selangor dan mendapati pencapaian akademik dan agama sangat memberangsangkan. Analisis beliau adalah melihat perkembangan pelajar di Sekolah tersebut yang lahir tahun 1979. Menurut beliau Bagi peperiksaan PMR yang telah mereka duduki tahun 1994, pencapaian tahap lulus adalah 100% diikuti SPM (96.4%) dan STPM (91.4%). Dalam bidang agama pula pencapaian tahap lulus bagi Sijil Rendah Agama (SRA) adalah 78.89% dan Sijil Tinggi Agama adalah 85.7% .

Gambaran ini menunjukkan perkembangan pelajar sekolah agama ini adalah amat memuaskan memandangkan mereka cemerlang bukan sahaja aspek akademik malah berjaya dalam aspek pendidikan agama. 4 Kecemerlangan ini mendorong ramai ibu bapa amat berminat menyekolahkan anak-anak mereka di sekolah-sekolah agama. Malah apa yang menariknya permohonan masuk ke sekolah agama amat tinggi sedangkan tempat yang ada adalah terhad. Abdul Monir (2003) mendapati permohonan masuk ke tingkatan satu sekolah agama negeri amat tinggi. Beliau mendapati di negeri Pahang, permohonan ke tingkatan satu adalah sebanyak 4944 permohonan berbanding yang diterima masuk hanyalah seramai 1846 orang pelajar. Di Perak pula permohonan adalah sebanyak 3600 dan diterima hanya 605 orang. Di Selangor pula permohonan adalah sebanyak 5000 dan diterima seramai 2000 orang dan akhirnya di negeri Sembilan yang melibatkan permohonan sebanyak 2000 dan hanya menerima pelajar sebanyak 1000 orang pelajar. Ini menunjukkan kebanyakan ibu bapa berminat menghantar anak mereka ke sekolah agama. Persoalannya mengapa ibu bapa berminat menghantar anak mereka ke sekolah agama? Kajian oleh Muhammad Yasir (2005) contohnya, merumuskan dalam kajiannya berhubung dengan sejauh mana pengetahuan dan kefahaman agama di kalangan 60 orang pelajar Tingkatan Enam Atas Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah mendapati bahawa pembentukan personaliti adalah dipengaruhi oleh kefahaman dan penghayatan tersebut.

Dapatan ini menunjukkan sekolah agama mampu mengekang permasalahan sosial yang kian menggugat personaliti remaja. Pengetahuan agama yang diperoleh kelihatan mampu membendung gejala sosial meskipun masih terdapat segelintir pelajar sekolah agama yang turut terjebak dalam isu-isu sosial. Ini sedikit sebanyak mendorong ibu bapa menghantar anak mereka ke sekolah agama iaitu memastikan anak mereka menjadi manusia yang mempunyai personaliti yang baik dan tidak terlibat dalam gejala sosial. Menurut Abdul Monir (2003) lagi, terdapat beberapa faktor mengapa ibu bapa memilih anak-anak mereka ke sekolah agama. Antaranya ialah kesedaran pendidikan agama kepada anak-anak mereka, kelebihan menguasai pelajaran umum dan agama secara serentak, peluang untuk memilih bidang adalah lebih luas, sistem pendidikan sekolah agama yang tidak menyekat masa hadapan anak mereka, pengiktirafan kerajaan terhadap lulusan sekolah agama dan sistem pendidikan di sekolah agama adalah lebih bersepada. Fakta-fakta ini jelas menunjukkan keyakinan masyarakat terutama ibu bapa terhadap sistem pendidikan agama di sekolah agama yang mendorong meningkatnya permintaan kemasukan ke sekolah agama. Beberapa kajian terdahulu ini jelas menunjukkan kesan dan kepentingan pendidikan agama terutamanya di sekolah agama. Bahagian seterusnya akan membincangkan perkembangan pendidikan Islam di Malaysia secara umum.

Aktiviti ko-kurikulum di sekolah adalah kegiatan berkumpulan di mana kegiatan yang dirancang merupakan lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah yang memberi peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari di bilik darjah. Ia adalah wadah pembinaan jasmani, emosi dan rohani selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan

membentuk generasi yang seimbang (Suhara & Jamil, 2010). Menurut Suhara & Jamil (2010), ko-kurikulum memainkan peranan penting dalam pendidikan. Antaranya ialah dalam usaha pemupukan sahsiah dan pembentukan perpaduan. Penyertaan murid sebagai generasi muda dalam ko-kurikulum dapat menyemai perasaan muhibah, perpaduan, integrasi nasional dan menyemai nilai yang murni sama ada secara langsung atau tidak langsung semasa menyertai aktiviti-aktiviti tersebut. Selain itu, penyertaan dalam aktiviti ko-kurikulum juga mampu meningkatkan tahap disiplin murid. Berdasarkan beberapa kajian seperti J.M. Stuber, (2009) dan R. Iucu, & M. Platis (2012), didapati bahawa aktiviti ko-kurikulum membuatkan murid lebih bermotivasi dan berupaya mengurangkan masalah disiplin ke tahap yang minima. Namun, kerjasama semua pihak amat penting dalam menjayakan usaha ini.

Penyertaan dalam aktiviti ko-kurikulum di alam persekolahan bermula dari tahun tiga di peringkat sekolah rendah hingga tingkatan enam di peringkat menengah. Murid digalakkan terlibat secara aktif dalam ko-kurikulum yang diceburi bagi memperoleh faedahnya. Penglibatan murid dalam ko-kurikulum bermaksud keaktifan murid mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum di sekolah termasuklah aktiviti sukan. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kini telah melancarkan dasar 1 Murid 1 Sukan (1M1S) di mana diwajibkan setiap murid menyertai sekurang-kurangnya satu aktiviti sukan di sekolah. Setiap murid akan terlibat secara aktif dalam aktiviti sukan sekolah sepanjang tahun. Penyertaan murid dalam aktiviti ini sangat penting sebagai satu landasan mendukung aspirasi 1 Malaysia yang sihat, dinamik dan bersepadu sebagaimana yang disarankan oleh Yang Amat Berbahagia Perdana Menteri Malaysia. Merujuk Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.2/2007, bagi murid tahun tiga dan tahun empat, mereka perlu terlibat dalam aktiviti ko-kurikulum di sekolah sekurang-kurangnya selama 60 minit seminggu manakala murid tahun 5 dan 6 perlu terlibat selama 120 minit seminggu. Bagi peringkat sekolah menengah pula, peruntukan masa penglibatan mereka lebih panjang iaitu antara 120 minit hingga 180 minit seminggu. Peruntukan masa tersebut merangkumi penglibatan murid dalam aktiviti persatuan, kelab, permainan, sukan dan pasukan badan beruniform yang disertai. Konsep pelaksanaannya adalah berasaskan prinsip penyertaan beramai-ramai tanpa unsur diskriminasi atau paksaan tetapi berfokus kepada peningkatan perpaduan dan integrasi dalam kalangan murid.

### Metodologi Kajian

Dalam menjalankan kajian ini beberapa instrumen kajian telah dilakukan bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu menggunakan kajian perpustakaan, temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian. Maklumat-maklumat tambahan yang digunakan sebagai bahan input bagi menyempurnakan kajian ini diperoleh daripada sumber-sumber rujukan bercetak seperti buku-buku rujukan dan kajian-kajian lepas di beberapa buah perpustakaan, seperti Perpustakaan Utama Universiti Malaya dan universiti lain.

Temu bual dilakukan dengan sembilan orang guru besar di SRIDI iaitu guru besar di SRIDI Ajil, SRIDI Bukit Besi, SRIDI Kota Putera, SRIDI Kijal, SRIDI Buluh Gading, SRIDI Dun Bandar, SRIDI Pengkalan Berangan, SRIDI Paka dan SRIDI Permaisuri. Temu bual ini dilakukan untuk mendapat maklumat berkaitan kemudahan dan ko-kurikulum yang terdapat di SRIDI. Di samping itu analisis dokumentasi di sekolah seperti dokumen pembelian barang kemudahan dan senarai rekod kemudahan dikaji di SRIDI. Kaedah pemerhatian dilakukan dengan kaedah turun ke sekolah untuk melihat kemudahan fasiliti yang terdapat di SRIDI bagi tujuan untuk mengukuhkan daptatan kajian.

### Dapatan Kajian


Dalam kajian ini, prasarana pendidikan merujuk kepada semua kemudahan fizikal yang terdapat di bilik darjah dan bilik-bilik khas yang digunakan untuk proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di Sekolah Rendah Darul Islam (SRIDI). Prasarana pendidikan juga terbahagi kepada dua kategori, iaitu prasarana daripada segi kemudahan fizikal dan kemudahan maklumat. Prasarana merujuk kepada kemudahan fizikal yang digunakan di sekolah untuk menyokong terjemahan dan pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum yang berkesan, bermakna dan menyeronokkan. Kemudahan maklumat pula merujuk kepada kemudahan sekolah untuk memperoleh maklumat dan pengetahuan melalui penggunaan media massa, sama ada media cetak atau media elektronik, dan teknologi maklumat dan komunikasi yang berkesan, melalui rangkaian dalaman dan luaran dan perkhidmatan pusat sumber.

Terdapat sembilan lokasi kajian yang dijalankan dalam kajian ini antaranya ialah SRIDI Ajil, SRIDI Bukit Besi, SRIDI Kota Putera, SRIDI Kijal, SRIDI Buluh Gading, SRIDI Dun Bandar, SRIDI Pengkalan Berangan, SRIDI Paka dan SRIDI Permaisuri. Tujuan pemilihan lokasi ini adalah untuk meneroka kemudahan prasarana di setiap sekolah yang diuruskan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) serta meneroka perkaitan antara kemudahan prasarana dengan aspek ko-kurikulum.

### Persekutaran Akademik

Berdasarkan dapatan temu bual mendalam yang dijalankan terhadap guru di sembilan buah sekolah SRIDI di Negeri Terengganu mendapatkan terdapat perbezaan kemudahan prasarana yang disediakan bagi setiap sekolah. Bagi kelengkapan bilik kelas atau kuliah, SRIDI Ajil, SRIDI Kota Putera, SRIDI Paka, SRIDI Pengkalan Berangan dan SRIDI Kijal mempunyai kelengkapan bilik kuliah yang sangat baik. Manakala, SRIDI Dun Bandar mempunyai ruang bilik kuliah yang baik dan SRIDI Permaisuri, SRIDI Buluh Gading dan SRIDI Bukit Besi masing-masing mempunyai kelengkapan bilik kuliah yang sederhana dan memerlukan penambahbaikan dari aspek ukuran bilik darjah. Seterusnya dari aspek kelengkapan kerusi dan meja serta papan hitam atau putih bagi setiap sekolah pula masing-masing dalam keadaan yang sangat baik dan baik. Guru bagi setiap sekolah yang dikaji berpendapat bahawa keperluan kerusi dan meja dalam kondisi yang baik dan mencukupi bagi semua pelajar untuk mengikuti sesi PdP dengan selesa (Rajah 1).

## PERSEKITARAN AKADEMIK




Rajah 1: Persekitaran Akademik

Namun demikian, daripada aspek bekalan elektrik dan bekalan air mendapat bahawa SRIDI Paka dan SRIDI Permaisuri berada pada tahap sederhana berbanding SRIDI Ajil, SRIDI Kota Putera, SRIDI Buluh Gading, SRIDI Pengkalan Berangan, SRIDI Dun Bandar dan SRIDI Kijal. Dapatkan ini menunjukkan terdapat gangguan bekalan elektrik dan bekalan air di sekolah tersebut tetapi masih dalam kawalan pihak sekolah. Dapatkan kajian juga mendapat hanya SRIDI Paka sahaja yang menyediakan kemudahan dispenser air kepada pelajar. Selain itu, berdasarkan perhatian mendapat bahawa kesemua SRIDI menyediakan kemudahan *wifi*, penghawa dingin, komputer, pencetak dan alat tulis. Yang membezakan adalah penghawa dingin di SRIDI Bukit Besi masih tidak mencukupi dan perlu ditambah bagi memastikan keselesaan guru dan pelajar mengikuti sesi PdP. Berdasarkan Rajah 1, SRIDI Dun Bandar masih perlu ditambah baik daripada aspek kemudahan prasarana bilik darjah kerana kemudahan *wifi*, komputer, projektor, pencetak dan mesin fotostat masih tidak mencukupi bagi keperluan aktiviti guru dan pelajar. SRIDI Buluh Gading juga tidak mempunyai kemudahan mesin fotostat bagi kegunaan pihak sekolah. Mesin fotostat merupakan salah satu kemudahan yang penting bagi membantu guru-guru menyediakan bahan bantu mengajar kepada murid.

### Ruang Pembelajaran Khas

Ruang pembelajaran khas penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia hanya membantu keberkesanannya dalam PdP tetapi juga ia sebagai seiring dengan keperluan dan kemajuan semasa. Untuk menjelaskan lebih lanjut berkenaan ruang pembelajaran khas seperti dalam Rajah 2, kemudahan ruang pembelajaran khas masih memerlukan penambahbaikan dari semasa ke semasa agar persekitaran pembelajaran lebih kondusif. Bagi kemudahan *smart classroom*, hanya SRIDI Kota Putera sahaja mempunyai kemudahan *smart classroom* yang cemerlang, manakala SRIDI Bukit Besi tidak mempunyai bilik *smart classroom* yang mencukupi untuk pelajar mereka. Walaupun bilik *smart classroom* tidak mencukupi, namun ia dapat memberikan pengalaman kepada pelajar untuk melaksanakan aktiviti pembelajaran abad ke-21 berbanding SRIDI AJIL, SRIDI Bulu Gading, SRIDI Pengkalan Berangan, SRIDI Permaisuri, SRIDI Kijal, SRIDI Dun Bandar dan SRIDI Paka yang tidak mempunyai kemudahan bilik *smart classroom* ini.



**Rajah 2: Ruang Pembelajaran Khas**


Tambahan lagi, dari aspek bilik pusat sumber pula, SRIDI Ajil mempunyai bilik pusat sumber yang baik dan boleh membantu pelajar untuk memperolehi maklumat tambahan, manakala SRIDI Dun Bandar mempunyai kemudahan bilik pusat sumber yang lemah dan perlu ditambahbaik dari aspek bahan. Dari aspek kemudahan perpustakaan pula, SRIDI Permaisuri, SRIDI Paka, SRIDI Buluh Gading, SRIDI Kijal dan SRIDI Bukit Besi masing-masing tidak menyediakan ruang khas tersebut. Selain itu, SRIDI Ajil dan SRIDI Kota Putera juga ada menyediakan ruang pembelajaran khas iaitu bilik makmal, tetamu dan bilik tayangan.

Menurut Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia bertarikh 13 April 2018, menjelaskan bahawa semua sekolah di seluruh Malaysia perlu melaksanakan klasifikasi fail yang seragam. Justeru itu, penyelidik mendapati hanya SRIDI Kota Putera, SRIDI Pengkalan Berangan dan SRIDI Paka sahaja yang menyediakan bilik fail seperti yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memudahkan pemerihalan, kawalan, pautan dan penetapan status pelupusan dan akses (Arkib.600-5/3/8(7)). Berdasarkan temu bual bersama peserta kajian bagi setiap sekolah mendapati bahawa bilik pejabat dan guru merupakan ruang pembelajaran khas yang wajib diadakan di setiap sekolah bagi memudahkan ibu bapa dan pelajar untuk merujuk guru berkenaan tugasannya pembelajaran mereka.

### **Persekutaran Pembelajaran**

Dalam membentuk kecemerlangan kecerdasan dan kestabilan emosi warga sekolah amat penting persekitaran pembelajaran dilakukan. Hasil pemerhatian di Rajah 3, menunjukkan dapatan daripada pemerhatian kemudahan prasarana bagi persekitaran pembelajaran. Antaranya ialah alatan sukan, alatan persatuan, stor simpanan, kantin, pembesar suara dan *first aid kit*. Dalam memastikan kecemerlangan dari aspek ko-kurikulum, pihak SRIDI perlu menyediakan alatan sukan yang mencukupi kepada pelajar. Dapatkan menunjukkan SRIDI Buluh Gading tidak mampu untuk menyediakan peralatan sukan kepada pelajar manakala sekolah SRIDI yang lain ada menyediakan peralatan sukan walaupun masih belum mencukupi bagi kegunaan kesemua pelajar. Keistimewaan SRIDI berbanding sekolah kebangsaan ialah di SRIDI, pelajar belajar mata pelajaran KSSM dan Kurikulum Agama Negeri yang disediakan oleh Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT). Oleh sebab itu,

kemudahan prasarana yang mencukupi sangat diperlukan dalam membentuk kecemerlangan pendidikan.




**Rajah 3: Persekitaran Pembelajaran**

Di samping itu, bagi peralatan persatuan, hanya SRIDI Dun Bandar dan SRIDI Bukit Besi sahaja mempunyai alatan yang digunakan untuk aktiviti persatuan. Kemudahan prasarana lain seperti stor simpanan telah disediakan oleh semua sekolah kecuali SRIDI Paka, SRIDI Bukit Besi dan SRIDI Kijal. Selain daripada alatan sukan, alatan persatuan, stor simpanan dan sebagainya, penyediaan kit pertolongan cemas juga sangat penting sebagai penyediaan awal bagi menghadapi segala kemungkinan dan perkara yang tidak diingini berlaku. Kit pertolongan cemas digunakan bagi memberi rawatan atau bantuan awal kepada mangsa sebelum tibanya paramedik atau rawatan kecemasan di pusat perubatan. Penggunaan kit pertolongan cemas merupakan satu keperluan bagi setiap sekolah dan berdasarkan dapatan, kesemua SRIDI terdapat kit pertolongan cemas kecuali di SRIDI Ajil.

### **Persekitaran Luaran SRIDI**

Kekurangan aspek kemudahan persekitaran luaran ini mungkin menyumbang kepada ketidaksesuaian pelajar dan guru dalam melaksanakan aktiviti ko-kurikulum dan boleh mengurangkan keberkesanan pembelajaran yang berlangsung. Didapati bahawa bagi kemudahan padang, hanya SRIDI Kota Putera sahaja yang menyediakan kemudahan padang kepada pelajar dengan keadaan yang sangat baik dan ini menunjukkan bahawa secara tidak langsung, aktiviti ko-kurikulum dan sukan di SRIDI Ajil, SRIDI Buluh Gading, SRIDI Pengkalan Berangan, SRIDI Permaisuri, SRIDI Bukit Besi, SRIDI Kijal, SRIDI Dun Bandar dan SRIDI Paka mempunyai limitasi dalam melaksanakan aktiviti ko-kurikulum dan sukan. Kendatipun begitu, SRIDI Bukit Besi, SRIDI Kota Putera dan SRIDI Paka masih mempunyai gelanggang sukan yang dapat membantu pihak sekolah untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti sukan.



**Rajah 4: Persekitaran luaran SRIDI**

Manakala dari aspek penyediaan dewan perhimpunan dan ruang parkir, semua SRIDI dapat menyediakan kemudahan tersebut walaupun SRIDI Dun Bandar dan SRIDI Pengkalan Berangan masih perlu ditambah baik kerana ruang dan saiz dewan tersebut tidak mencukupi untuk menampung pelajar di sekolah tersebut. Seterusnya, ruang pantri SRIDI Buluh Gading, SRIDI Kijal dan SRIDI Paka juga tidak disediakan oleh pihak sekolah. Kemudahan persekitaran luaran iaitu koperasi hanya ditubuhkan oleh SRIDI Ajil, SRIDI Buluh Gading, SRIDI Dun Bandar dan SRIDI Bukit Besi. Oleh itu, terdapat keperluan untuk menambah baik aspek-aspek kemudahan prasarana kerana kemudahan dan kelengkapan sedia ada kurang sesuai untuk menghadapi dan memenuhi pendidikan bertaraf dunia.


### Aktiviti Ko-Kurikulum

Aktiviti ko-kurikulum memainkan peranan penting dalam pendidikan. Ini merangkumi kepentingan dalam memupuk keperibadian dan membina perpaduan di kalangan pelajar. Apabila pelajar mengambil bahagian dalam ko-kurikulum bersama sebagai generasi muda dan rakyat negara ini, maka mereka secara tidak langsung dan langsung dapat menanamkan semangat muhibah, perpaduan, integrasi nasional dan nilai-nilai murni semasa menyertai aktiviti tersebut. Ini sejajar dengan fokus kedua Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), iaitu membangunkan modal insan yang berkualiti tinggi adalah aset utama negara dan akan menentukan masa depan negara.

### *Kelab dan Persatuan di SRIDI*

Kelab dan persatuan merupakan indikator penting dalam memberi pendedahan awal kepada murid untuk mereka mempamerkan dan menguji kebolehan serta kemahiran ko-kurikulum selain daripada akademi di peringkat sama ada sekolah, daerah atau kebangsaan. Rajah 5 menunjukkan program ko-kurikulum bagi kelab persatuan yang telah ditubuhkan di SRIDI. Namun demikian, terdapat sesetengah SRIDI yang tidak mempunyai kelab persatuan. Bagi kelab persatuan agama Islam, hanya SRIDI Ajil, SRIDI Kota Putera, SRIDI Permaisuri dan SRIDI Buluh Gading sahaja yang menubuhkan kelab persatuan agama Islam. Manakala, SRIDI Pengkalan Berangan, SRIDI Paka dan SRIDI Bukit Besi tidak mempunyai kelab persatuan yang boleh diceburi oleh pelajar mereka. Bagi kelab persatuan sains matematik pula, hanya

SRIDI Kota Putera, SRIDI Permaisuri, SRIDI Buluh Gading dan SRIDI Kijal sahaja yang menubuhkan kelab sains dan matematik tersebut. Tambahan lagi, walaupun SRIDI Buluh Gading dan SRIDI Ajil mempunyai kekangan dan limitasi dari aspek kemudahan prasarana, namun bagi aktiviti ko-kurikulum bagi sekolah ini sangat aktif dan dapat menghantar pelajar mewakili pertandingan di peringkat sekolah bagi kategori Kelab Bahasa Melayu, Kelab Bahasa Inggeris dan Kelab Bahasa Arab.




**Rajah 5: Ko-kurikulum Akademik**



**Rajah 6: Ko-kurikulum Unit beruniform**

Rajah 6 pula menunjukkan unit beruniform yang ditubuhkan di sekolah. Hasil dapatan menunjukkan hanya tiga SRIDI sahaja menubuhkan unit beruniform bagi pelajar. SRIDI Kijal menubuhkan unit beruniform pengakap yang mana semua pelajar akan secara langsung menjadi ahli pengakap. Manakala, SRIDI Bulu Gading pula memberikan tiga pilihan kepada pelajar untuk memilih sama ada ingin mencebur unit beruniform pengakap, Puteri Islam atau kadet polis. SRIDI Dun Bandar pula menawarkan unit beruniform Pengakap dan Bulan Sabit Merah kepada pelajar mereka. Dengan adanya pilihan tersebut, pelajar akan dilatih untuk membuat keputusan secara berdiskusi dan mengenal pasti minat mereka dalam setiap bidang.

## SUKAN PERMAINAN



**Rajah 7: Ko-kurikulum Sukan Permainan**

Rajah 7 pula menunjukkan ko-kurikulum bagi sukan dan permainan. Berdasarkan dapatan, menunjukkan pihak sekolah memberi peluang kepada pelajar untuk menceburi sekurang-kurangnya satu sukan sahaja. SRIDI Permaisuri hanya fokus kepada aktiviti sukan memanah, SRIDI Kijal pula berfokus kepada sukan ping pong manakala SRIDI Kota Putera menekankan kepada sukan bola jaring, bola tampar dan ping pong. SRIDI Dun Bandar pula fokus kepada sukan bola jaring, memanah, futsal dan silat. Selain itu, SRIDI Ajil pula menekankan kepada bola jaring, ping pong, memanah dan futsal. Terdapat juga SRIDI yang tidak menyediakan aktiviti sukan dan permainan iaitu SRIDI Paka, SRIDI Pengkalan Berangan dan SRIDI Bukit Besi.

Berdasarkan temu bual, SRIDI Buluh Gading telah bergiat aktif dalam memastikan pelajar mengikuti pertandingan peringkat sekolah yang diadakan seperti sukan bola sepak, futsal, badminton dan bola jaring. Hal ini menunjukkan, walaupun kemudahan prasarana SRIDI Buluh Gading masih tidak mencukupi keseluruhannya, namun, pihak sekolah mengambil peluang untuk menonjolkan bakat pelajar mereka.

## LAIN-LAIN



**Rajah 8: Aktiviti Ko-Kurikulum Lain-Lain**

Akhir sekali adalah kelab atau program ko-kurikulum yang ditubuhkan bagi meningkatkan kreativiti pelajar iaitu reka cipta dan robotik ditubuhkan di SRIDI Kota Putera, manakala SRIDI Ajil menubuhkan sains teknologi dan nasyid dan seterusnya Bukit Besi yang turut menceburi dalam aktiviti usahawan muda. Menurut Nor Suhara Fadzil dan Jamil Ahmad (2010), membentuk sekolah moral adalah salah satu matlamat pelaksanaan kokurikulum di sekolah. Sekolah moral adalah sekolah yang cemerlang, bukan hanya bergantung pada kecemerlangan akademik pelajar, tetapi juga dalam pengembangan keperibadian dan disiplin pelajar, termasuklah kemampuan pelajar dalam pelbagai bidang seperti aktiviti sukan, pasukan seragam dan lain-lain. Program ko-kurikulum ini semestinya ingin menyerlahkan bakat pelajar sekali gus dapat membentuk imej sekolah yang sihat dan dicontohi.

Berdasarkan hasil dapatan, program ko-kurikulum yang dijalankan bagi setiap SRIDI masih belum menyeluruh kerana ada sebahagiannya tidak mempunyai salah satu komponen antara kelab, unit beruniform dan sukan. Kemudahan prasarana seperti ketiadaan padang atau gelanggang sukan juga mengehadkan pihak sekolah untuk memperkenalkan banyak sukan dan unit beruniform kepada pelajar. Jika kemudahan prasarana ini dapat ditubuhkan secara optimum bagi setiap Sekolah Rendah Islam Darul Iman di Negeri Terengganu, maka program pengisian ko-kurikulum mampu disesuaikan dalam mencapai kecemerlangan pembangunan pendidikan.

### **Perbincangan**

Kemudahan prasarana di SRIDI daripada aspek persekitaran akademik, persekitaran pembelajaran, ruang pembelajaran khas dan persekitaran luaran menjadi kayu ukur kepada keselesaan pelajar dalam menjalani sesi PdP sekali gus membantu untuk mencapai kecemerlangan pembangunan pendidikan. Ini bermaksud, keselesaan sesi PdP ini akan dapat dipertingkatkan apabila aspek ini dioptimumkan. Sehubungan itu, kepedulian tidak seharusnya diberikan kepada penyampaian isi kandungan pelajaran semata-mata tanpa memberi perhatian kepada aspek fizikal dalam persekitaran. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah dan pentadbir perlu memberi lebih perhatian kepada kualiti kemudahan prasarana. Hal ini adalah kerana persekitaran pembelajaran berkaitan dengan pengalaman pembelajaran yang seterusnya memberi kesan kepada keselesaan pengajaran dan pembelajaran sekali gus dapat meningkatkan motivasi dan minat pelajar untuk belajar. Hasil dapatan menunjukkan bahawa SRIDI Kota Putera mempunyai kemudahan prasarana yang hampir lengkap dalam menyediakan kemudahan peralatan sokongan, kemudahan sokongan sosial, peralatan PdP dan sebagainya.

Daripada keseluruhan dapatan kajian yang diperoleh, dapat dirumuskan bahawa pengurusan ko-kurikulum serta prasarana di SRIDI adalah di tahap yang sederhana dan boleh ditambah baik daripada semasa ke semasa. Bagi prasarana yang disediakan di SRIDI, terdapat empat aspek yang perlu dinilai semula bagi setiap sekolah iaitu persekitaran akademik, persekitaran pembelajaran, ruang pembelajaran khas dan persekitaran luaran. Sementara itu, analisis dapatan kajian menunjukkan bahawa SRIDI diuruskan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT), justeru itu, diharapkan setiap sekolah mempunyai kemudahan prasarana yang sama. Analisis yang telah dibuat mendapat bahawa pengurusan prasarana yang baik dapat meningkatkan kualiti dalam aspek program ko-kurikulum dalam kalangan pelajar SRIDI. Pendedahan awal terhadap kelab persatuan, unit beruniform dan sukan kepada pelajar seperti robotik, reka cipta, sains teknologi dan lain-lain dapat mengembangkan bakat sekali gus dapat meluaskan lagi kemahiran pelajar dari usia muda.

Perkara ini disokong dalam kajian Zetty Nurzuliana Rashed, Mardhiah Yahaya, Mohd Faez Ilias, Mohd Fakhri Sungit dan Ainul Hayat Abdul Rahman (2021), menjelaskan bahawa pengurusan prasarana yang baik dipercayai dapat menyumbang ke arah pembelajaran dan aktiviti ko-kurikulum yang berkesan. Sekali gus membantu memberi kesan terhadap kualiti pembelajaran pelajar SRIDI yang harus mendapatkan persekitaran yang baik dan selesa untuk membantu mereka menguasai kurikulum yang pelbagai termasuk kurikulum dini dan kurikulum kebangsaan. Semua pihak berperanan dalam menyediakan sumber kewangan dan prasarana yang kondusif untuk merealisasikan kurikulum dan program ko-kurikulum yang ditetapkan. Oleh itu, usaha pelbagai pihak berkepentingan sangat penting terhadap membentuk kecemerlangan pendidikan di Negeri Terengganu. kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran pelajar.

## Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa kemudahan prasarana memberi impak terhadap pelaksanaan program ko-kurikulum di sekolah. Apabila kemudahan prasarana tidak mencukupi, program ko-kurikulum yang ingin disesuaikan juga tidak dapat dilaksanakan secara optimum. Bukan itu sahaja, kemudahan prasarana yang tidak cukup juga akan memberi kesan terhadap keselesaan guru dan pelajar sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran. Oleh sebab itu, dalam memastikan prasarana yang mencukupi dan selesa, kemudahan fizikal perlu diberi perhatian dan dirancang dengan teliti supaya keperluan pembelajaran dan ko-kurikulum dapat dipenuhi. Justeru itu, kajian ini diharapkan mampu menjadi rujukan kepada seluruh kepimpinan SRIDI terhadap masalah dan cabaran yang dihadapi serta membuka ruang terhadap penambahbaikan serta penyelesaian kepada segala masalah. Amalan yang baik juga perlu diteruskan serta ditingkatkan dari semasa ke semasa dalam usaha SRIDI untuk mengembangkan lagi penubuhan institusi yang seumpamanya di masa akan datang. Dengan usaha memupuk dan mendidik nilai yang mulia menerusi pendedahan aktiviti ko-kurikulum, diharapkan dapat membantu memupuk nilai-nilai mulia secara langsung kepada pelajar menerusi program yang diceburi.

## Rujukan

- Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmawati, Suhid. (2005). Pemantapan Komponen Akhlak Dalam Pendidikan Islam Bagi Menangani Era Globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan*.
- Che Nidzam Che Ahmad, Noraini Mohamed Noh, Mazlini Adnan, Marzita Puteh & Mohd Hairy Ibrahim (2014), Pengaruh Persekitaran Fizikal Bilik Darjah Terhadap Tahap Keselesaan Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*. 6. Diperoleh daripada  
[https://www.researchgate.net/publication/294886469\\_pengaruh\\_persekitaran\\_fizikal\\_bilik\\_darjah\\_terhadap\\_tahap\\_keselesaan\\_pengajaran\\_dan\\_pembelajaran](https://www.researchgate.net/publication/294886469_pengaruh_persekitaran_fizikal_bilik_darjah_terhadap_tahap_keselesaan_pengajaran_dan_pembelajaran)
- Greenland, J.& Robinson. (1980). Problem Of Teaching Moral Values In A Changing Society. *International Review of Education*, XXVI, 2, 97-101.
- Kamus Dewan Edisi Ke-empat (2005). Prasarana. Kamus Bahasa Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka. Diperoleh daripada  
<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=prasarana&d=102572&>
- Malaysia (2012) *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kementerian Pelajaran Malaysia. Kuala Lumpur.

- Mohd Kamal Hassan (2012) Membangun Modal Insan Melayu Dalam Sistem Pendidikan Islam. Kertas kerja yang dibentangkan semasa Perbincangan Meja Bulat Mengarusperdanakan Sistem Pendidikan Islam di Malaysia pada 5 Jun 2012 dianjurkan oleh Dewan Amal Islami (DAMAI) bertempat di Kuala Lumpur.
- Muhammad Yasir Abu Hassan, (2005). Pengetahuan dan Penghayatan Islam di Kalangan Pelajar: Satu Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah. Tidak diterbitkan.
- Nor Suhara Fadzil & Jamil Ahmad (2010). Kepentingan Kokurikulum Dalam Pendidikan Di Sekolah Menengah. Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia. Diperoleh daripada [http://file.upi.edu/direktori/proceeding/upi-upsi/2010/book\\_1/kepentingan\\_kokurikulum\\_dalam\\_pendidikan\\_di\\_sekolah\\_menengah.pdf](http://file.upi.edu/direktori/proceeding/upi-upsi/2010/book_1/kepentingan_kokurikulum_dalam_pendidikan_di_sekolah_menengah.pdf)
- Norhafizah Shoheme, (2001). SMKA (P) Al-Mashoor: Sejarah Penubuhan Dan Perkembangan Serta Peranannya Dalam Membentuk Generasi Islam. Tidak diterbitkan.
- Romita Iucu, Magdalena Platis, (2012). Management of the Professional Practical Training – Strengths and Weaknesses, Procedia - Social and Behavioral Sciences, Volume 46.
- Siti Norihan Abd Razak & Hasnah Ali (2013) Sumbangan dan Kepentingan Pendidikan Tertiari dalam Pertumbuhan Ekonomi Negara: Satu Kajian Kes di Malaysia. Prosiding Perkem VIII, Jilid 2. 806 – 816.
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 1 (1985). Penubuhan Jawatankuasa Bimbingan Pelajar Sekolah. Diperoleh daripada <https://www.moe.gov.my/pekeliling/2120-surat-pekeliling-ikhtisas-bilangan-1-tahun-1985-penubuhan-jawatankuasa-bimbingan-pelajar-sekolah/file>
- Wan Mohd Zahid Mohd Nordin. (2000). Peranan Pendidikan Islam dalam Falsafah Pendidikan Negara. Seminar Kebangsaan Pendidikan Kebangsaan dan Agama di Malaysia, 29-30 Januari. IKIM, Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.
- Zetty Nurzuliana Rashed, Mardhiah Yahaya, Mohd Faez Ilias, Mohd Fakhri Sungit & Ainul Hayat Abdul Rahman (2021). Pengurusan infrastruktur sekolah: Kajian kes di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS). *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. Julai. 8 (3), 75-90.